

07 DEC 1998

KENDERAAN-PENGELUARAN/I

PENGELUARAN KENDERAAN TUNJUK PETANDA POSITIF, KATA RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Pengeluaran kenderaan bermotor menunjukkan beberapa petanda positif terutama bagi tempoh bulan Ogos dan September tahun ini, meskipun keadaan kegawatan ekonomi yang dialami oleh negara ketika ini, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Dengan menyebut satu contoh, Rafidah berkata jumlah pengeluaran bagi Ogos 1998 adalah 15,188 unit manakala bagi September 1998 adalah 14,977 unit.

Angka pengeluaran bagi dua bulan tersebut adalah tinggi pada sekurang-kurangnya 50 peratus berbanding bulan-bulan sebelumnya sambil menyatakan industri itu kini sedang meningkat naik, katanya di sini hari ini di pelancaran van Malaysia seberat satu tan yang dinamakan Inokom Permas, oleh Industri Otomotif Komersil Sdn Bhd (Inokom).

Rafidah mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di majlis pelancaran itu.

Beliau berkata jualan kenderaan bermotor termasuklah kenderaan komersial meningkat sebanyak 11 peratus kepada 404,837 unit pada 1997 daripada 364,788 unit pada 1996.

Beliau menyatakan jualan daripada Januari hingga September tahun ini berjumlah 104,593 unit, di mana 90,181 unit daripadanya adalah kereta/kenderaan penumpang manakala 14,412 unit adalah kenderaan komersial.

Jumlah jualan kenderaan bermotor bagi Oktober 1998 adalah 16,638 unit, mencatatkan kenaikan 14 peratus berbanding jualan sebanyak 14,308 pada September.

Menyentuh mengenai kandungan tempatan, beliau berkata keseluruhan kandungan tempatan kasar bagi kenderaan penumpang adalah antara 65 dan 70 peratus.

Menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai perkara itu, Rafidah berkata kandungan tempatan kasar bagi Proton adalah 80 peratus dan bagi Perodua, 70 peratus. Kandungan tempatan bagi kenderaan yang dipasangkan di dalam negeri adalah 40 peratus manakala bagi Inokom Permas adalah 25 peratus.

Kandungan tempatan bersih bagi Proton dan Perodua masing-masing adalah 55 peratus dan 40 peratus, katanya.

Terdahulu, Rafidah berkata pengenalan teknologi asing ke dalam negara haruslah dianggap sebagai penggerak utama kepada usaha-usaha tempatan daripada ia dilihat sebagai "sindrom bergantung teknologi".

Bagi van Permas yang dilancarkan hari ini, ia diperkenalkan dengan pelbagai jenis yang menarik bagi memenuhi keperluan permotoran berkaitan. Terdapat versi standard dan deluxe yang menawarkan pelbagai jenis ciri dan kelengkapan. Pelbagai ciri menarik itu disertai dengan harga yang berpatutan di antara RM41,746.32 hingga RM60,912.53

Van Inokom Permas diedarkan oleh dua syarikat automotif terkemuka - Quasar Carriage Sdn Bhd dan Hyumal Motor Sdn Bhd.

-- BERNAMA

AA ZK